

## SOALAN NO. 55

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DATUK MOHD IDRIS BIN  
JUSI [ BATU PAHAT ]**

**TARIKH : 28 MAC 2018**

**SOALAN :**

**YB Datuk Mohd Idris Bin Jusi [ Batu Pahat ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan langkah- langkah yang diambil untuk membaiki persepsi rakyat bahawa Parlimen hanya menjadi alat 'rubber stamp' kepada kehendak pihak Eksekutif dan berlaku 'The Tyranny of The Majority'.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dakwaan yang diberikan oleh Ahli Yang Berhormat adalah tidak benar. Di bawah doktrin pengasingan kuasa, Parlimen merupakan institusi perundangan yang menjalankan fungsi-fungsinya sebagaimana jelas diperuntukkan di bawah Perlembagaan Persekutuan.

Antara fungsi-fungsinya adalah meluluskan undang-undang Persekutuan, meminda undang-undang Persekutuan sedia ada, memeriksa dasar-dasar Kerajaan, meluluskan perbelanjaan Kerajaan dan meluluskan hasil cukai baharu.

Sekian, terima kasih.